



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PENYEMPURNAAN PROSES JAMIN MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI
JARAK JAUH**

Badan Kehakiman Malaysia sentiasa bergerak seiring dengan perkembangan teknologi dalam memastikan kesinambungan pentadbiran keadilan. Sehubungan itu, Badan Kehakiman Malaysia terus mengorak langkah dengan memperkenalkan Penyempurnaan Proses Jamin Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh.

Umum mengetahui pandemik Covid-19 yang melanda telah menghadkan pergerakan orang ramai dan tidak terkecuali juga Orang Kena Tuduh (OKT) yang ditahan reman di penjara. Sebelum ini, penyempurnaan proses jamin bagi OKT yang ditahan reman di penjara ialah dengan mewajibkan kehadiran OKT ke Mahkamah secara fizikal. Kini, bagi memudahkan proses tersebut, Badan Kehakiman Malaysia telah mengeluarkan Arahan dan Tatacara bagi Penyempurnaan Proses Jamin Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh.

Arahan Penyempurnaan Proses Jamin Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh ini terpakai bagi pengendalian proses jamin di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret di seluruh Malaysia yang melibatkan OKT yang ditahan reman di dalam penjara kerana gagal menyempurnakan jamin pada hari OKT dituduh di Mahkamah. Bagi penyempurnaan proses jamin melalui teknologi komunikasi jarak jauh, OKT yang dibenarkan untuk dijamin oleh Mahkamah boleh menyempurnakan proses jaminnyanya melalui sidang video sebelum OKT tersebut dilepaskan daripada penjara. Dengan ini, kehadiran OKT ke Mahkamah secara fizikal bagi menyempurnakan proses jamin adalah dikecualikan.

Bagi maksud tersebut, YAA Ketua Hakim Negara telah mengeluarkan Arahan Ketua Hakim Negara Bil. 7 Tahun 2021 yang memperuntukkan mengenai Penyempurnaan Proses Jamin Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh yang berkuat kuasa pada 15 Mac 2021. Arahan dan Tatacara ini boleh diakses menerusi portal e-Arahan Amalan melalui pautan <https://tinyurl.com/ArahanAmalanKHN>

Badan Kehakiman Malaysia berharap inisiatif ini akan dapat meningkatkan kualiti akses kepada keadilan dengan memanfaatkan penggunaan teknologi secara optimum terutama dalam mengendalikan kes semasa tempoh pandemik ini, sekaligus dapat membantu dalam mencegah penularan wabak Covid-19 di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 11 Mac 2021